

BADĪ'UZZAMĀN PENGEMBARA PAKISTANI

MENGELILINGI DUNIA DENGAN BASIKAL

(OLEH RAHMAT IDRIS)


“Marco Polo Pakistan”

Inilah gelaran yang diperoleh Badī'uzzamān pemuda Islam Pakistan ketika ia berada di Paris dalam perjalanannya mengelilingi dunia dengan menunggang basikal.

Badī'uzzamān Aḥmad berumur 26 tahun dan mempunyai kelulusan A di dalam ilmu tawarikh; iktisad dan politik di universiti di Kaka Pakistan. Ia telah meninggalkan kampungnya di Pakistan Timur pada bulan Julai 1951. Dan telah menempuh kira-kira 23 buah negeri iaitu sejauh lebih 33 ribu batu. Disebabkan Badī'uzzamān telah mendapat bantuan dari badan-badan kebajikan, orang-orang kenamaan dan hartawan di mana sahaja ia singgah, maka wang bekalan dari kampungnya sebanyak 35 paun sterling itu masih belum luak lagi.

Tujuan melawat keseluruhan dunia ini ialah kerana hendak mempelajari kesenian serta hal-hal yang berkaitan dengan masyarakat, ia bercadang hendak mengarang buku-buku berkenaan dengan lawatannya setelah tamat pengembaraannya pada akhir tahun 1956 dan mungkin juga katanya ia akan menjadi pensyarah dalam salah satu universiti di Pakistan berkenaan ilmu alam, masyarakat, kesenian dan kebudayaan. Ia menyatakan sangat gemar kepada sukan dan bernasib baik juga katanya ia berpeluang menyaksikan peraduan hoki di antara Melaka dan Pakistan yang diadakan di Melaka pada 9 haribulan Mac yang lalu.

Badī'uzzamān Aḥmad sampai ke Johor pada 7 haribulan



Badī'uzzamān Aḥmad bersama-sama dengan A. Raḥmat

Hāji Idrīs Johor.

Mac dan di dalam masa 5 hari di Johor Baharu ia sempat 5 malam bermalam di rumah saya dan berpeluang juga mengadap Yang Mulia Tengku Mahkota Johor. Di sini ia telah dihujani oleh bantuan wang dari orang kenamaan termasuklah Tuan Hāji Raḥmat Bin Hāji Dāwud, Tuan Hāji Muḥammad Amīn 'Imrān Menteri Besar, Yang Mulia Engku Ismail Yang di-Pertua Jabatan Agama Johor, Tuan Hāji Amīn Bin Ilyās dan lain-lain lagi.

Jumlah wang bantuan yang didapatinya di Johor Baharu sahaja, adalah cukup untuk membeli 2 tiket pelayaran dari Singapura ke Palembang dan dari Surabaya ke Hong Kong. Beliau telah meninggalkan Singapura pada 16 haribulan Mac.

Di dalam perbualan dengan saya, selama 5 hari itu, katanya, mengelilingi di dunia dengan menunggang basikal itu

adalah satu perkara yang tidak terlalu berat asalkan ada mempunyai syarat-syarat yang tetap baginya. Ia bersyukur ke hadrat Tuhan, semasa lebih kurang 4 tahun katanya, ia cuma mengalami 4 kali kepayahan iaitu 3 kali kemalangan perlanggaran dan sekali terpaksa menyorong basikalnya selama 3 hari dan 3 malam tatkala mendaki Gunung Alps (Alps) di Switzerland. Tatkala mendaki ini katanya disebabkan tidak ada rumah disebelah dipinggir jalan dengan memakan roti kering bekalannya.

Badī'uzzamān Ahmad boleh bertutur dalam bahasa Inggeris, Urdu, Benggali, dan Arab. Dalam masa ia 7 bulan di Tanah Arab, ia sempat menunaikan fardu haji di Tanah Suci dan berpeluang mengadap Raja Ibn Sa'ūd.

Sungguhpun ia mesti menempuh beberapa kawasan atau negeri-negeri yang bahasa penduduknya tidak diketahui tetapi itu tidak menjadi hal katanya. Sampai sahaja ia di kawasan itu ia terus pergi ke pejabat akhbar tempatan atau berjumpa dengan ketua kampung dengan menggunakan lukisan atau isyarat seperti orang bisu, ia minta ketua

kampung itu menulis di buku autobiografi menyatakan yang ia ini seorang penunggang basikal mengelilingi dunia di dalam bahasa tempatan. Begitulah juga halnya tatkala ia berjumpa dengan pemberita akhbar bahasa tempatan dan meminta supaya gambar dan ceritanya disiarkan.

Badī'uzzamān seorang yang cergas berfikir dan sanggup menyesuaikan diri di dalam apa segi masyarakat. Di padang pasir katanya ia terpaksa tidur pada siang hari kerana terlalu panas dan perjalanannya dilakukan pada malam hari. Angkara jauh perjalanan lebih kurang 100 batu sehari dengan menunggang basikal. Ia tidak membawa bekal "tayar" tetapi ada "tiub" sahaja. Selain dari itu topi dan baju hujan serta beberapa pasang uniform pengembara. Saya telah meminta beberapa kali supaya menggunakan pakaian bebas semasa ia berjalan-jalan dengan saya kerana saya tidak begitu suka dikerumun oleh orang-orang yang lalu lintas. Tetapi katanya, dikerumuni oleh orang-orang itu adalah sangat-sangat dihajati olehnya sebab dengan jalan itu ia dapat mempelajari hal-hal masyarakat sesuatu bangsa menerusi perbualan.

Menerusi majalah Qalam saya sampaikan salam bahagia dan ucapan terima kasih daripada Badī'uzzamān kepada kaum muslimin di Malaya ini amnya dan harap didoakan katanya supaya cita-citanya menamatkan pengembaraannya pada akhir tahun 1956 itu tercapai dengan harapan supaya dapat menemui semula keluarganya di kampung.



-Gambar kanan- Tuan Adham Khaṭīb sedang berpidato dalam Kongres

Pemuda Melayu se-Malaya.